

A MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PELAJAR BARU SESI 2003/04 KUKUM

Pada majlis ini seramai lebih kurang 100 pelajar baru sesi 2003/04 KUKUM yang berasal dari kawasan utara iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang telah dijemput untuk menerima surat tawaran kemasukan. Penyerahan surat tawaran ini telah disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis di Dewan Warisan, Kangar pada 21 Mei 2003 yang lalu. Majlis yang diadakan pada sebelah pagi ini juga turut dihadiri oleh Y.B Dato' Azib Saad, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis dan Y.Bhg. Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM.

Pada majlis ini setiap pelajar baru telah diiringi oleh ibu bapa ataupun penjaga masing-masing. Y.A.B. Dato' Seri Menteri Besar juga turut menyampaikan sedikit cenderahati kepada bakal mahasiswa-mahasiswi KUKUM iaitu buah mempelam harum manis yang menjadi antara tanaman utama di negeri Perlis.

Majlis ini diharapkan dapat mendekatkan lagi pelajar-pelajar baru dengan pihak KUKUM dan juga pemimpin-pemimpin negeri. Antara tetamu-tetamu lain yang hadir juga ialah Timbalan Rektor KUKUM, Pendaftar, Pegawai-pegawai Utama, Dekan-dekan dan juga kakitangan KUKUM. Pihak KUKUM juga mengharapkan majlis ini akan menjadi salah satu acara tahunan dan akan diadakan pada setiap kali pengambilan pelajar baru.